



Tingkatkan kemahiran penerbit buku bumiputera

Oleh ISHAK HAMZAH

008

KEMENTERIAN Pendidikan kini melalui Bahagian Buku Teks sekali lagi membuka peluang kepada penerbit-penerbit tempatan untuk terlibat dalam penerbitan, pencetakan serta pengedaran buku teks untuk sekolah menengah.

Ini merupakan fasa ketiga lanjutan daripada penukaran buku teks baru di sekolah menengah. Buku-buku dalam fasa pertama kini telah digunakan di sekolah menengah sementara bagi fasa kedua penggunaannya adalah bagi tahun akademik 2003. Fasa ketiga adalah bagi penggunaan buku-buku teks bagi beberapa subjek untuk tahun 2004.

Penawaran kepada penerbit-penerbit swasta adalah kesinambungan kepada penerbitan buku teks terdahulu di bawah Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Kerjasama ini merupakan sesuatu yang unik kerana penerbit swasta diberikan kesempatan bagi menerbitkan buku teks.

Kementerian Pendidikan berhasil menerbitkan buku-buku teks yang berkualiti bukan sekadar dari segi fizikal malah kandungannya. Kaedah ini secara tidak langsung turut merancakkan industri buku. Sesungguhnya tidak dapat dinafikan bahawa penswastaaan buku teks telah banyak membantu penerbit yang terpilih mendapat keuntungan yang lumayan di samping keuntungan sampingan daripada penerbitan buku-buku ulang kaji dan buku kerja.

Tahniah harus diberikan kepada Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Buku Teks yang dapat menyediakan buku-buku yang berkualiti, membekalkannya ke sekolah-sekolah sebelum penggal persekolahan dibuka malah pada masa yang sama telah membantu banyak lapisan penerbitan swasta untuk berkembang termasuk penerbit, pencetak, pengatur huruf, pemisah warna, pengedar dan sebagainya. Penerbit buku teks swasta di negara ini pula terbahagi kepada dua iaitu bukan bumiputera dan bumiputera.

Pada masa-masa yang lepas Bahagian Buku Teks telah tidak menafikan peluang mana-mana pihak untuk memperoleh buku teks. Malah sebelum fasa baru penerbitan buku teks dilaksanakan Bahagian Buku Teks telah berdialog dengan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (Mabopa) dan Ikatan Penerbit Buku Bumiputera Nasional (Ikatan) serta menerima memorandum mereka agar hak kedua-dua pihak ini terpelihara.

Dalam fasa pertama dan kedua yang baru lalu, buku teks telah turut diberikan kepada kedua-dua pihak berdasarkan merit dan garis panduan kerajaan.

BBT tidak pernah mengabaikan kualiti buku teks dalam pemberian ini meman-

dangkan BBT mempunyai penyeliaan dan mekanisma bagi memastikan buku teks terbit dengan kualiti yang ditentukan dan pada waktu yang ditetapkan.

Tawaran fasa ketiga akan melibatkan 15 judul buku teks lagi. BBT telah menetapkan judul-judul yang boleh disertai oleh mana-mana pihak yang berdaftar dan yang boleh disertai oleh penerbit-penerbit bumiputera sebagaimana fasa sebelumnya.

Ini sesungguhnya sesuatu yang amat baik dan adil bagi membantu penerbit bumiputera untuk memperoleh buku teks kerana penerbit bumiputera hanya akan bersaing dengan bumiputera tetapi pada masa yang sama tidak mengabaikan kualiti.

Dalam senerio banyak penerbit bumiputera bersaiz kecil dan sederhana dan hampir tiada yang benar-benar mapan dan besar, maka persaingan sebegini mengelakkan penerbit bumiputera daripada bersaing dengan penerbit bukan bumiputera *established* yang punya infrastruktur penerbitan yang sempurna, editor dan pereka bentuk yang berpengalaman, barisan penulis yang berwibawa serta tidak ketinggalan dengan kewangan yang kuat.

Berkualiti

Walaupun penerbit bumiputera telah mula membina tapak dan berhasil menerbitkan buku-buku yang berkualiti tetapi masih tidak setanding dengan penerbit bumiputera yang *established* ini.

Cuma yang akhirnya membantutkan pertumbuhan dan penglibatan penerbit bumiputera dalam buku teks adalah penerbit bumiputera sendiri. Penerbit-penerbit bumiputera ini yang menggunakan keistimewaan status bumiputera membenarkan diri mereka dipergunakan oleh penerbit bukan bumiputera.

Kerjasama dengan penerbit bukan bumiputera bukan sesuatu yang salah dan seharusnya digalakkan. Melalui kerjasama yang adil penerbit bumiputera boleh berkongsi pengalaman dan infrastruktur penerbit bukan bumiputera.

Malah sebahagian besar daripada rangkaian pengedaran buku adalah dikuasai oleh bukan bumiputera. Sejajar dengan itu kerjasama antara bukan bumiputera dan bumiputera memanglah wajar, dan harus diteruskan.

Apa yang tidak wajar adalah apabila penerbit-penerbit ini memasuki tender buku teks dan akhirnya memperoleh tender tersebut tetapi keseluruhan kerjanya dilaksanakan oleh penerbit bukan bumiputera. Daripada kerja penyediaan bahan, penulisan, penyuntingan, pracetak, percetakan malah sehingga pengedaran dibuat oleh penerbit bukan bumiputera.

Malah jika apabila BBT memerlukan

editor penerbit tersebut untuk hadir, maka editor penerbit bukan bumiputera tersebut akan hadir dengan nama penerbit tersebut. Kes-kes ini bukanlah kes terpilih kerana berdasarkan fasa pertama dan kedua, paling kurang sekitar 20 judul adalah di bawah kategori ini.

Sudah pasti penerbit bumiputera yang bona fide walaupun dapat menghasilkan manuskrip yang baik tetapi masih tidak sebaik hasil penerbit *established* bukan Bumiputera. Penerbit bumiputera yang bona fide ini sukar akan berjaya kerana sesungguhnya mereka bersaing dengan penerbit bukan bumiputera dan bukannya bersaing dengan penerbit bumiputera.

Keadaan ini juga menyebabkan penerbit Bumiputera sukar mendapat penulis-penulis yang baik kerana mereka masih terus berpeluang menulis dengan penerbit bukan bumiputera dan memperoleh buku teks atas nama penerbit bumiputera. Kerajaan melalui Kementerian Pendidikan telah melakukan yang terbaik untuk memberikan peluang kepada penerbit bumiputera. Tetapi jika masih ada lagi sikap penerbit sebegini yang mengharapkan pulangan yang cepat tanpa berusaha, ia bukan sekadar merugikan mereka sendiri malah mengambil hak penerbit bumiputera yang bersungguh-sungguh untuk berdiri atas kaki sendiri.

Amat malang lagi jika mereka ini berdaftar secara sah sebagai penerbit bumiputera yang mendapat pengiktirafan Bumiputera oleh Kementerian Kewangan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad telah berkali-kali mengingatkan kontraktor bumiputera agar berusaha dan tidak menjual kontrak kepada pihak lain.

Perkara ini boleh berlaku apabila penerbit buku bumiputera dengan mengharapkan pulangan yang cepat tanpa berusaha hatta untung yang diperoleh hanya sekitar lima peratus sahaja.

Penerbit-penerbit sebegini seharusnya disenaraihitamkan dan tidak diberikan peluang dalam penyertaan tender buku teks.

Tetapi perkara ini mungkin tidak boleh berlaku kerana kontrak yang ditandatangani antara BBT dengan penerbit ini tidak boleh dibatalkan kerana segala syarat penyertaan dipenuhi, buku disediakan mengikut jadual dan mutu yang ditetapkan dan tidak melanggar sebarang kontrak.

Yang salah cuma mereka hanyalah wakil terselindung kepada penerbit-penerbit bukan bumiputera yang mahukan judul buku teks yang banyak. Mungkin wajar dalam kontrak yang akan datang perlu ada fasal yang boleh membatalkan kontrak jika mereka mengalibabakan kontrak ini.

● ISHAK HAMZAH ialah seorang penerbit buku.